



IQRA'

BIL. 12/2025
DISEMBER



SIDANG REDAKSI



PENASIHAT
Ts. Haji Azizi Haji Jantan



EDITOR
Nurul Fariyah Sarmin Panut



PENYELARAS
Mohd Alfarabie Mohd Nasir



REKA BENTUK GRAFIK
Muhammad Amirul Mohd Desa

Shah Alam	: Asmah Sabtu, Norazlin Mohd. Yusof, Nor Hafizah Md. Hanafiah, Rizana Mohd Radwan, Hanani Rojikin
Melaka	: Hazlin Ibrahim Khan, Siti Haidah Md Aziz, Ilya Nur Fateen Othman
Perlis	: Khairil Izwan Hasan
Sabah	: Marlia Yuming, Alfera Zurhain Sairin
Kedah	: Mohd Amiruddin Mohd Nasir
Pulau Pinang	: Nor Azilawati Mohamad Azmi, Nurhayati Hassan
Kelantan	: Norfitriah Mat Seman, Rosmariyati Ab Rahman
Perak	: Muhamad Azim A'nsori, Nur Dayana Mohd Narwawi
Sarawak	: Hapsah Suut, Dyg Azimah Abg Yusof, Normah Saadie
Terengganu	: Mohd Shahnizam Mat Zain, Asmahani Abdullah, Nurmaisari Che Anuar
Pahang	: Muniratul Husna Mohamad Zaki, Mohd Anwar Hassim
Johor	: Siti Rozana Mat Sanat, Nor Azelea Mohd Azahar
N. Sembilan	: Syaiful Hisyam Saleh, Mohd Hafiz Kasirun, Muhammad Syafiq Amirullah
Selangor	: Hafiza Mustape, Nur Fatihah Muhamad, Fatin Hanisah Ahmmad Rofee, Wan Rohani Wan Chin, Norliza Othman, Adi Azri Mohamad, Suzana Ishak, Nurkhairunisa Jaafar

KEKERAPAN KELUARAN: 12 KELUARAN SETIAP TAHUN

PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

AKSI HEBAT DI KARNIVAL SUKAN BADAN BERKANUN MALAYSIA (SUKANUN KE-13)

Disediakan oleh: Ahmad Azmil Reza PTAR Seri Iskandar

Tarikh : 22 Disember 2025

Lokasi : PTAR Seri Iskandar



22 Disember 2025: Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Perak telah menjadi lokasi tumpuan bagi penganjuran acara sukan dalam Karnival Sukan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN Ke-13) bagi edisi tahun 2025. Karnival sukan berprestij ini telah berlangsung selama seminggu bermula dari 7 hingga 13 September 2025. Penglibatan PTAR secara khusus adalah sebagai tuan rumah bagi Pertandingan Catur Berpasukan. Penganjuran seumpama ini secara langsung menyerlahkan peranan PTAR sebagai pusat ilmu yang turut menyokong inisiatif kesukanan dan gaya hidup sihat dalam kalangan warga badan berkanun di Malaysia.

Sepanjang tempoh pertandingan, suasana di PTAR UiTM Cawangan Perak dipenuhi dengan aksi yang hebat dan strategik daripada para peserta yang bersaing dalam kategori catur berpasukan. Setiap pasukan telah mempamerkan semangat kesukanan yang tinggi, komitmen kerjasama berpasukan yang utuh, dan kebijaksanaan dalam merancang strategi terbaik bagi menewaskan pihak lawan. Kualiti pertandingan yang ditunjukkan bukan sahaja mencerminkan kehabatan mental para atlet, malah turut membuktikan bahawa kemahiran berfikir secara kritikal dan fokus yang tinggi adalah elemen penting dalam kejayaan sukan catur.

Penganjuran dan penyertaan dalam Karnival SUKANUN Ke-13 di PTAR ini telah berjalan dengan lancar dan berjaya mencapai matlamatnya dalam mengukuhkan hubungan antara badan-badan berkanun melalui platform sukan. Diharapkan penganjuran acara ini dapat menyuntik inspirasi dan motivasi kepada semua warga UiTM untuk terus aktif dalam aktiviti kesukanan sambil memupuk nilai-nilai positif seperti disiplin dan persaingan sihat. Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan acara penting di peringkat nasional ini.

LATIHAN PERMATA DAN SPEED READING

Disediakan oleh: Ahmad Azmil Reza PTAR Seri Iskandar

Tarikh : 23 Disember 2025

Lokasi : PTAR Seri Iskandar



23 Disember 2025: Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar telah berjaya menganjurkan sesi Latihan PERMATA dan Speed Reading pada 12 September 2025. Program penting ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama PTAR dan melibatkan penyertaan daripada pelajar yang sedang menjalani latihan industri di perpustakaan tersebut. Inisiatif ini dilaksanakan dengan matlamat utama untuk memperkenalkan sistem maklumat baharu perpustakaan iaitu sistem PERMATA di samping memperkasakan kemahiran membaca pantas (speed reading) dalam kalangan peserta.

Sesi latihan berinformatif ini telah berjalan lancar dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Peserta telah diberikan pendedahan mendalam mengenai penggunaan sistem PERMATA serta dilatih dengan pelbagai teknik membaca dengan pantas. Kaedah-kaedah ini amat berguna untuk memberi kefahaman maklumat dalam tempoh yang lebih singkat, sekali gus meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Program ini dikendalikan oleh tiga orang penceramah yang terdiri daripada staf berpengalaman PTAR iaitu Puan Nur Dayana Binti Mohd Narwawi, Pustakawan bersama Encik Mohd Azhari Bin Maarop, Pembantu Pustakawan Kanan dan Encik Akhimullah Bin Azmil, Pembantu Pustakawan.

Secara keseluruhan, program ini telah mencapai objektifnya dalam melengkapkan pelajar latihan industri dengan kemahiran literasi maklumat yang relevan dan efisien. Pihak PTAR Cawangan Perak berharap agar penganjuran program seumpama ini dapat diteruskan pada masa hadapan.



Jelajah Literasi Digital PERMATA UiTM Cawangan Kelantan

Disediakan oleh: Perpustakaan Tengku Anis UiTM Kelantan Kampus Machang

Tarikh : 8-9 Disember 2025

Lokasi : Perpustakaan Tengku Anis UiTM Kelantan Kampus Machang



Jelajah Literasi Digital Permata UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang adalah satu inisiatif yang sangat bermakna dan inspiratif dalam memberi pendedahan kepada warga UiTM terutamanya staf pentadbiran mengenai kepentingan literasi digital dalam era teknologi masa kini. Ia berlangsung pada 8 – 9 Disember 2025.

Jelajah ini bukan sekadar jelajah biasa, tetapi sebuah pengalaman interaktif yang memukau, dengan sesi penerangan servis yang ditawarkan dalam sistem PERMATA UiTM. Lebih menarik, Jelajah Literasi Digital ini turut menyemai nilai literasi maklumat digital dan budaya pembelajaran sepanjang hayat.

Berlangsung di setiap bahagian di Bangunan Pentadbiran UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang, jelajah ini menonjolkan kerjasama erat antara Perpustakaan Tengku Anis dan staf pentadbiran menjadikan setiap sesi penuh dengan ilmu yang terkini dan menarik. Ia bukan sahaja membuka mata kepada dunia digital yang luas, tetapi juga memperkasa komuniti kampus untuk mengharungi cabaran digital dengan keyakinan dan kebijaksanaan.

Dalam setiap langkah Jelajah Literasi Digital Permata UiTM Kelantan, terselit harapan besar – bahawa melalui pendidikan digital yang menyeluruh dan menyenangkan setiap generasi mampu membentuk masa depan yang cemerlang, berdaya saing, dan berinspirasi dalam dunia yang semakin digital ini.

Lawatan Penandaarasan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Pulau Pinang Ke Perpustakaan Tengku Anis (PTA) UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang

Disediakan oleh: Sazlina PTA UiTM Kampus Machang

Tarikh : 18 Disember 2025

Lokasi : Perpustakaan Tengku Anis UiTM Kelantan Kampus Machang



Isatu lawatan penandaarasan telah diadakan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Pulau Pinang ke Perpustakaan Tengku Anis, UiTM Cawangan Kelantan pada 18 Disember 2025 (Khamis) jam 2.00 petang. Lawatan ini bertujuan untuk memperkukuh kerjasama serta perkongsian amalan terbaik antara perpustakaan UiTM, khususnya dalam aspek pengurusan, perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan.

Lawatan dimulakan dengan ucapan aluan daripada Ketua Perpustakaan Cawangan Perpustakaan Tengku Anis, Puan Nordelina Zulkarnain, yang mengalu-alukan kehadiran delegasi PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang serta menzahirkan harapan agar lawatan ini dapat menjadi platform perkongsian ilmu dan pengalaman antara kedua-dua pihak. Seterusnya, ucapan oleh Tuan Haji Ahmad Faizar bin Jaafar, Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang, yang menekankan kepentingan kerjasama strategik dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan perpustakaan.

Lawatan diteruskan dengan sesi taklimat pengenalan perpustakaan yang disampaikan oleh Dr. Muslim Ismail@Ahmad, Timbalan Ketua Pustakawan (M)(KUP). Taklimat tersebut merangkumi latar belakang Perpustakaan Tengku Anis, struktur organisasi, kemudahan yang disediakan serta perkhidmatan dan inisiatif yang dilaksanakan bagi menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di UiTM Cawangan Kelantan.]

Pihak Perpustakaan Tengku Anis, UiTM Cawangan Kelantan merakamkan ucapan terima kasih kepada PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang atas lawatan penandaarasan ini dan berharap perkongsian yang berlangsung dapat dimanfaatkan serta diteruskan pada masa akan datang.

Program CSR Vitamin Ilmu: "Next-Gen Library Leaders"

Disediakan oleh: Sazlina PTA UiTM Kampus Machang

Tarikh : 18 Disember 2025

Lokasi : Perpustakaan Tengku Anis UiTM Kelantan Kampus Machang



Program CSR Vitamin Ilmu: "Next-Gen Library Leaders" bersama SK Zainab (2), Kota Bharu yang telah berlangsung pada 9 Disember 2025 dari pukul 8.30 pagi hingga 4.00 petang di Bilik Seminar PTA merupakan program kerjasama antara Perpustakaan Tengku Anis UiTM Cawangan Kelantan, Fakulti Sains Maklumat UiTM Cawangan Kelantan dan Sekolah Kebangsaan Zainab 2, dengan penyertaan seramai 48 orang pengawas Pusat Sumber Sekolah Al-Wardah SK Zainab 2.

Program ini merupakan inisiatif Perpustakaan Tengku Anis (PTA) bagi memupuk minat terhadap kepimpinan literasi dan budaya perpustakaan dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Objektif program ini adalah untuk mendedahkan pelajar kepada konsep kepimpinan perpustakaan secara interaktif dan praktikal, menggalakkan kemahiran komunikasi, kerjasama dan tanggungjawab dalam pengurusan bahan bacaan, menyokong usaha melahirkan generasi muda yang celik maklumat serta berkemahiran literasi, dan mengukuhkan hubungan komuniti antara perpustakaan dengan institusi pendidikan setempat.

Program dimulakan dengan ucapan aluan oleh Puan Nordelina Zulkarnain, Timbalan Ketua Pustakawan, diikuti ucapan daripada Dr. Suriana Alias, Ketua Pusat Pengajian Fakulti Sains Maklumat UiTM Cawangan Kelantan, serta Encik Nor Azrean Makhtar, Penolong Kanan Kokurikulum SK Zainab 2, sebelum diteruskan dengan majlis menandatangani jalinan strategik antara Perpustakaan Tengku Anis, Fakulti Sains Maklumat UiTM Cawangan Kelantan dan Pusat Sumber Al-Wardah SK Zainab 2.

Perpustakaan Tengku Anis mengucapkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Diharapkan penganjuran seperti ini dapat diteruskan bagi menyokong perkembangan literasi maklumat dalam kalangan pelajar sekolah rendah serta mengukuhkan jaringan kerjasama strategik pada masa hadapan.

PENERIMAAN REKOD PENTING UNIVERSITI

Disediakan oleh: Ahmad Azmil Reza PTAR Seri Iskandar
Tarikh : 15 Disember 2025



15 Disember 2025: Unit Arkib Cawangan Perak (UAC) telah menjalankan sesi Penerimaan Rekod Penting Universiti yang melibatkan Unit Komunikasi Korporat, UiTM Kampus Seri Iskandar pada 8 September 2025. Rekod-rekod yang diserahkan terdiri daripada koleksi piala kemenangan dan sijil penghargaan yang telah diraih oleh UiTM Cawangan Perak. Pencapaian ini, yang meliputi penyertaan cemerlang dalam pelbagai kejohanan sukan, akademik dan kokurikulum, bukan sahaja mengharumkan nama kampus tetapi turut menjadi bukti jelas kecemerlangan dan semangat kesatuan warga universiti. Piala kemenangan dan sijil penghargaan ini dikategorikan sebagai rekod bernilai arkib yang penting, berfungsi sebagai rujukan bersejarah dan kenangan berharga untuk warga kampus, pentadbiran serta penyelidik di masa hadapan.

Proses penyerahan rekod penting ini dilaksanakan selaras dengan peruntukan yang terkandung dalam Dasar Pengurusan Rekod UiTM yang telah mula berkuat kuasa sejak 18 November 2020. Dasar institusi ini menetapkan prinsip dan teras pengurusan rekod yang wajib dipatuhi dan dilaksanakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UiTM. Oleh itu, Dasar Pengurusan Rekod UiTM terpakai sepenuhnya bagi semua PTJ termasuk Unit Komunikasi Korporat yang bertanggungjawab memastikan rekod bernilai arkib diserahkan kepada UAC. Pematuhan ini memastikan rekod universiti diuruskan secara sistematik dan mematuhi piawaian yang ditetapkan.

Penerimaan rekod penting di UiTM merujuk kepada proses penyerahan dan penerimaan dokumen atau bahan yang diiktiraf mempunyai nilai arkib yang signifikan kepada sejarah universiti.

Lawatan Kerja Rasmi Ketua Pustakawan PUiTM ke Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT

Disediakan oleh : Abdul Hadi Idris, Pembantu Pustakawan Kanan.
Tarikh : 17 Disember 2025



Pada 17 Disember 2025 (Rabu), Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun telah menerima Lawatan Kerja Rasmi Yang Berusaha Ts. Haji Azizi bin Haji Jantan, Ketua Pustakawan Perpustakaan UiTM. Ketibaan beliau disambut oleh Yang Berusaha Dr. Ermeey Abd. Kadir, Rektor UiTM Cawangan Terengganu bersama barisan pegawai dan warga perpustakaan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT).

Lawatan dimulakan dengan sesi temu mesra bersama pihak pengurusan kampus sebelum Ketua Pustakawan menghadiri sesi Taklimat Pengurusan Perpustakaan UiTMCT yang disampaikan oleh En. Shahrol Nizam Johol, Timbalan Ketua Pustakawan. Taklimat merangkumi aspek struktur organisasi, perkhidmatan yang ditawarkan, koleksi semasa serta pencapaian terkini perpustakaan.

Ketua Pustakawan seterusnya menyampaikan amanat yang menekankan peranan perpustakaan sebagai pusat pembangunan intelektual, pemangkin penyelidikan dan pemudah cara pembelajaran sepanjang hayat. Beliau turut menyeru warga perpustakaan agar terus meningkatkan profesionalisme, memanfaatkan teknologi dan bersedia menghadapi perubahan selaras dengan agenda pendigitalan pendidikan tinggi. Beliau juga menyentuh konsep 'humanizing library' yang memberi kesan yang baik dalam pengurusan dan perkhidmatan perpustakaan terutamanya dalam menawarkan perkhidmatan selari dengan perubahan teknologi maklumat masa kini tanpa mengabaikan peranan dan nilai kemanusiaan.

Lawatan turut merangkumi sesi penilaian fasiliti, ramah mesra bersama staf perpustakaan serta interaksi bersama pengguna. Secara keseluruhannya, lawatan ini berjalan lancar dan memberi impak positif ke arah penambahbaikan berterusan Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun.

Program Jejak Ceria: "The Treasure of Love" di Perpustakaan Asrama PERKAYA Marang Terengganu

Disediakan oleh : Abdul Hadi Idris, Pembantu Pustakawan Kanan.
Tarikh : 4 Disember 2025



UKelab Students' Knowledge And Technology Resources (SKATER) UiTM Cawangan Terengganu dengan kerjasama Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun telah melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di Asrama Anak Yatim PERKAYA, Marang, Terengganu. Program yang berlangsung secara gotong-royong dari 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari ini melibatkan 19 orang pelajar SKATER, serta dua orang wakil dari Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun iaitu Cik Asmahani Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan (M) (KUP) merangkap Penasihat Kelab SKATER, dan Encik Ahmad Fathi Azhari Mohd Azmi, Pembantu Pustakawan.

Program ini bertujuan menaik taraf kemudahan perpustakaan asrama dengan mengemaskini susun atur bahan bacaan, mewujudkan Sudut IQRA' yang menumpukan bahan keagamaan dan motivasi, serta menyediakan persekitaran pembacaan yang lebih teratur dan kondusif. Penyerahan koleksi buku sumbangan orang ramai turut diadakan sebagai usaha menambah koleksi perpustakaan.

Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan untuk menarik penghuni asrama PERKAYA untuk berkunjung ke perpustakaan, tetapi turut menyokong meningkatkan kemahiran 3M: membaca, menulis, dan mengira melalui koleksi yang disediakan. Program CSR ini juga berjaya memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan warga UiTMCT serta mengukuhkan hubungan kerjasama antara universiti dan komuniti.

Secara keseluruhannya, projek menaik taraf perpustakaan dan penubuhan Sudut IQRA' ini telah berjaya mewujudkan ruang pembelajaran yang lebih kondusif, sistematik dan bermanfaat kepada anak-anak yatim PERKAYA, sekali gus memberi impak positif kepada pembangunan sahsiah dan literasi mereka. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua yang terlibat.

Kunjungan Hormat & Perbincangan Sumbangan Koleksi Datuk Dr. Prasad Sandosham Abraham

Disediakan oleh : Masnida Hanim Che Mahmood PTAR Shah Alam
Tarikh : 5 Disember 2025



M5 Disember 2025 | Jeram, Kuala Selangor

Satu kunjungan hormat ke Perpustakaan Mini Datuk Dr. Prasad Sandosham Abraham telah berlangsung pada 5 Disember 2025 di Jeram, Kuala Selangor. Kunjungan ini bertujuan membincangkan sumbangan serta pembangunan koleksi perundangan milik tokoh tersebut untuk ditempatkan di PTAR Undang-Undang UiTM Shah Alam.

Kunjungan hormat ini disertai oleh Ketua Perpustakaan PTAR Undang-Undang (PTUU), Puan Masnida Hanim binti Che Mahmood; Pembantu Pustakawan PTUU, Encik Remie bin Salleh Udin; Pengarah Bahagian Sumber Rujukan Universiti (BSRU), Dr. Hajah Adlina binti Abdullah; serta Pustakawan BSRU, Encik Abdul Razak bin Abdul Rahman.

Perbincangan yang berlangsung turut membincangkan strategi pembinaan koleksi ilmiah, potensi perkongsian ilmu, serta usaha memperkukuh jaringan kerjasama antara pihak PTAR dan Datuk Dr. Prasad sebagai tokoh perundangan negara.

Inisiatif ini merupakan langkah awal ke arah pemantapan sumber rujukan perundangan di UiTM, selain memperluas akses ilmu undang-undang kepada warga akademik dan penyelidik pada masa hadapan.

Program Lawatan Akademik MITS ke PTAR

Disediakan oleh : Muhammad Amirul PTAR Shah Alam

Tarikh : 1 Disember 2025



1 Disember 2025 | 10 Jamadilakhir 1447H

PTAR UiTM Shah Alam berbesar hati menerima kunjungan daripada Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS), Bagan Terap, Sabak Bernam pada pagi ini. Lawatan ini diselenggarakan oleh Dr. Mohamad Nor Amin bin Samsun Baharun, Pensyarah di Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM.

Seramai 107 peserta terdiri daripada pelajar dan guru pengiring telah dibawa menelusuri kemudahan serta perkhidmatan PTAR melalui sesi lawatan berpandu. Program ini bertujuan memberikan pendedahan awal mengenai dunia perpustakaan universiti serta menyuntik inspirasi kepada para pelajar MITS untuk mencapai kecemerlangan akademik hingga ke menara gading.

Terima kasih kepada pihak APB dan MITS atas kunjungan bermakna ini!

Pelaporan Strategik Suku Ketiga 2025: Komitmen Bersama Warga Perpustakaan UiTM

Disediakan oleh : Muhammad Amirul PTAR Shah Alam
Tarikh : 1 Disember 2025



Shah Alam | 1 Disember 2025, telah berlangsungnya Pembentangan Pelaporan Perancangan Strategik Perpustakaan UiTM Suku Ketiga 2025 bermula jam 9.15 pagi secara atas talian.

Seramai 378 warga Perpustakaan UiTM hadir bagi mengikuti pembentangan menyeluruh melibatkan KPI Jabatan, KPI Universiti, serta Indeks Prestasi Perpustakaan UiTM.

Dalam ucapan penggulungan, Ketua Pustakawan UiTM turut membentangkan hala tuju dan perancangan perpustakaan 2026–2030, yang menjadi rujukan penting kepada Ketua Perpustakaan Cawangan untuk penyediaan pelan tindakan tahun 2026.

Sesi ini menjadi platform penyampaian yang berkesan, membolehkan semua warga perpustakaan mendapatkan maklumat terkini, memahami pencapaian semasa, dan mengikuti perkembangan baharu yang sedang digerakkan di peringkat universiti dan jabatan.

Terima kasih kepada semua warga perpustakaan yang hadir dan sentiasa komited dalam memperkukuh masa depan Perpustakaan UiTM. Bersama kita terus melangkah sebagai Vibrant Centre of Learning!

Perkongsian Ilmu Bacaan melalui Resensi Buku Bersama Pelajar UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun

Disediakan oleh : Abdul Hadi Idris PTAR Kampus Dungun

Tarikh : 31 Disember 2024



Dungun, 31 Disember 2025 – Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Dungun telah menganjurkan Sesi Resensi Buku bersama Pelajar bertempat di Sudut AZKA@Library Community Engagement.

Program ilmiah ini melibatkan seramai 45 orang pelajar UiTMCT dan bertujuan memupuk budaya membaca serta menggalakkan pemikiran kritis dalam kalangan mahasiswa. Program yang berlangsung dari jam 5.00 petang hingga 6.30 petang ini dilaksanakan secara berkumpulan dengan menggunakan empat buah buku terpilih sebagai bahan bacaan.

Sepanjang sesi, pelajar diberi pendedahan mengenai kepentingan menganalisis bahan bacaan secara mendalam melalui aktiviti pembentangan resensi buku. Pembentangan merangkumi pengenalan buku, latar belakang penulis, tema utama, ringkasan isi kandungan, analisis kritikal serta pandangan peribadi terhadap mesej dan nilai yang diketengahkan.

Penganjuran program ini bukan sahaja memberi ruang kepada perkongsian idea dan pandangan, malah turut membantu meningkatkan kemahiran komunikasi serta kefahaman intelektual pelajar sejajar dengan aspirasi pendidikan tinggi. Sebagai tanda penghargaan, pihak penganjur turut menyediakan saguhati berbentuk hamper kepada semua kumpulan yang telah mengambil bahagian.

Secara keseluruhannya, sesi resensi buku ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dengan berkesan. Program seumpama ini diharap dapat diteruskan pada masa hadapan bagi menyokong pembangunan intelektual pelajar serta memperkukuh peranan Perpustakaan Cendekiawan UiTM Terengganu sebagai nadi ilmu di kampus.

Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod Dan Arkib Bersama Bahagian/PTj Bersama Bahagian Pentadbiran, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun

Disediakan oleh : En. Abdul Hadi Idris, Pembantu Pustakawan Kanan.
Tarikh : 29 Disember 2025



Dungun, 29 Disember 2025 – Unit Arkib UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah mengadakan Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib Bersama Bahagian/PTj melalui lawatan serta khidmat runding berkaitan pelupusan rekod jabatan dan penyerahan rekod penting universiti secara bersemuka.

Sesi ini memberi tumpuan kepada pengisian berkaitan tatacara pelupusan rekod serta proses pemindahan rekod penting universiti ke Unit Arkib, Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu. Antara dokumen yang disemak melibatkan rekod perkhidmatan seperti fail peribadi staf bagi jawatan tetap, kontrak, sementara dan sambilan, borang permohonan jawatan bagi kategori staf pentadbiran dan akademik, buku log kenderaan serta fail latihan dan kursus.

Penganjuran sesi ini bertujuan memastikan pengurusan rekod dilaksanakan secara sistematik, teratur dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan, di samping memelihara rekod penting universiti sebagai rujukan dan warisan institusi.

Unit Arkib UiTMCT merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Bahagian Pentadbiran UiTMCT Kampus Dungun atas kerjasama yang sangat baik sepanjang sesi lawatan dan khidmat runding ini.

Projek Young Engineer FKM: Think Like An Engineer – The 3D Bridge Design Challenge

Disediakan oleh : Abdul Hadi Idris, Pembantu Pustakawan Kanan.

Tarikh : 28 Disember 2025



Dungun, 28 Disember 2025 – Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi dengan kerjasama Perpustakaan Cendekiawan telah menganjurkan Projek Young Engineer FKM: Think Like An Engineer – The 3D Bridge Design Challenge bertempat di Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT.

Program pemindahan ilmu ini disertai seramai 21 orang pelajar sekolah rendah (7 hingga 12 tahun) sekitar Daerah Dungun dan kebanyakannya daripada mereka merupakan anak-anak staf UiTMCT. Program ini bertujuan memperkenalkan asas kejuruteraan secara awal melalui pendekatan santai, interaktif dan pembelajaran berasaskan projek. Program yang berlangsung dari jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang ini memberi pendedahan kepada peserta mengenai konsep asas kejuruteraan struktur, kreativiti reka bentuk serta penyelesaian masalah secara praktikal.

Melalui aktiviti reka bentuk jambatan 3D menggunakan pen 3D, peserta dibahagikan kepada tiga kumpulan dan dicabar untuk membina jambatan berdasarkan kriteria kekuatan, kestabilan, kreativiti dan kecekapan penggunaan bahan. Aktiviti ini turut menggalakkan kerjasama berpasukan, komunikasi dan pemikiran kritis dalam kalangan peserta.

Program ini berakhir dengan sesi penyampaian hadiah kepada kumpulan terbaik yang disampaikan oleh Cik Asmahani Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan (M)(KUP), bertempat di Sudut AZKA@Library Community Engagement.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya menjadi platform pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna serta berkesan dalam menyemai minat awal pelajar terhadap bidang STEM. Program ini mendapat sambutan yang baik dari kalangan peserta dan ibu bapa peserta bagi memenuhi masa cuti sekolah dengan pengisian yang bermanfaat. Kerjasama strategik antara FKM UiTMCT Kampus Bukit Besi dan Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Dungun turut membuktikan komitmen bersama dalam memperkasa pendidikan komuniti melalui pembelajaran di luar bilik darjah.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my